

Citra Daya Tarikan Fizikal dalam Novel 'Teen-lit'

Sharifah Fazliyatun Shaik Ismail^{1*}, Rohizah Halim¹ dan Asrar Omar¹

¹Universiti Utara Malaysia.

ABSTRAK

Secara umumnya, wanita kerap didedahkan dengan gagasan bahawa mereka yang cantik dan yang mempunyai daya tarikan fizikal (physical attractiveness) yang menarik dilihat sebagai lebih berpengaruh, berkuasa, berwibawa dan menjadi ikutan ramai. Gagasan ini diperkukuh dalam media, seperti televisyen, media bercetak dan media digital menerusi penampilan tokoh terkenal, pelakon, model dan selebriti. Internalisasi kecantikan daripada media sebegini bukan sahaja meninggalkan impak kepada wanita dewasa, malahan remaja muda juga turut terpengaruh dengan tuntutan untuk kelihatan menarik. Tumpuan terhadap kecantikan dan daya tarikan fizikal dapat dilihat dalam karya sastera remaja, khususnya genre 'teen-lit' yang diterbitkan dewasa ini. Makalah ini berhasrat untuk meneliti citra daya tarikan fizikal yang terdapat dalam novel 'teen-lit' yang diterbitkan selepas tahun 2010 untuk melihat sejauh mana pengarang novel kategori ini memaparkan kecantikan dan penampilan diri dalam karya mereka. Sebanyak tiga buah novel 'teen-lit' dianalisis secara tekstual untuk melihat penggunaan daya tarikan fizikal sebagai tema utama novel dan intervensi ketiga-tiga pengarang dalam merincikan aspek penjagaan tubuh badan dan penampilan diri. Kajian mendapati bahawa kesemua novel yang diteliti sarat dengan pelukisan daya tarikan fizikal, khususnya paras rupa dan saiz tubuh watak. Dua novel yang dianalisis memperlihatkan bahawa watak protagonis yang pada asalnya mempunyai masalah kegemukan akhirnya menurut kehendak masyarakat dengan mengurangkan berat badan mereka. Satu lagi novel pula memerihalkan keakuran watak utama untuk menghapuskan 'kejelikan' yang dimiliki. Campur tangan pengarang dalam menekankan aspek penampilan diri juga ketara apabila pengarang memuatkan narasi yang berinformasi tentang kepentingan penjagaan tubuh badan dan penampilan diri.

Kata Kunci: Bentuk Tubuh Badan, Daya Tarikan Fizikal, Kecantikan, Novel 'Teen-Lit', Sastera untuk Remaja

*Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan dana Jabatan Pengajian Tinggi di bawah geran FRGS (S/0 12180)

1. PENGENALAN

Karya 'chick lit' untuk golongan remaja yang lebih dikenali sebagai 'teen chick lit' atau 'teen lit' mula menarik perhatian pembaca muda di Barat pada awal abad ke-21 (Bullen, Toffoletti, & Parsons, 2011). Antara penulis karya ini yang digemari oleh kedua-dua pembaca remaja dan pembaca dewasa di Amerika Syarikat dan di Britain, termasuklah Meg Cabot, Ann Brashares, Louis Rennison dan Megan McCafferty. Fenomena yang sama dapat dilihat di toko buku di tanah air apabila para penerbit mula menerbitkan buku yang mempunyai kulit buku yang menarik,

*Koresponden: sfsi@uum.edu.my

watak protagonis wanita yang bijak dan pandai berjenaka pintar serta plot penceritaan yang agak lucu. Karya sastera untuk remaja ini banyak berkisar tentang isu yang lazim dihadapi oleh golongan remaja, persahabatan, percintaan dan proses kematangan ('*coming of age*') (Meloni, 2006). Karya 'teen lit' menurut Johnson (2006) banyak memberikan tumpuan kepada isu krisis identiti, seksualiti, proses kematangan dan budaya material. Karya ini menarik perhatian khalayak pembaca kerana selain berfokus kepada fesyen dan budaya pembelian (*consumer culture*), karya ini banyak mengupas isu wanita yang tidak sempurna, rasa rendah diri wanita kerana penampilan fizikal mereka yang kurang menarik dan pengajaran tentang cara individu menangani masalah perhubungan mereka, khususnya dengan kaum yang berlainan jantina (Johnson, 2006). Antara isu yang berat ini, isu penampilan diri atau kecantikan sering dilihat sebagai satu aspek yang sangat ketara dalam karya untuk golongan muda. Jika diselusuri cerita untuk golongan sebegini, terutamanya golongan kanak-kanak. Kita dapat melihat bahawa cerita untuk kanak-kanak, misalnya cerita rakyat di barat sarat dengan gambaran kecantikan. Watak heroin seperti *Cinderella*, *Rapunzel*, *Snow White*, *Sleeping Beauty*, *Beauty* dan *Little Mermaid* umpamanya dihuraikan sebagai mempunyai wajah rupawan yang memikat hati watak hero. Watak protagonis wanita dalam cerita rakyat ini ditonjolkan sebagai berbudi pekerti, seiring dengan kecantikan yang dimiliki. Daya tarikan fizikal ini membuatkan mereka berjaya dengan mudah untuk menawan hati lelaki idaman mereka dan seterusnya berpeluang untuk menjalani kehidupan yang senang dan bahagia. Watak antagonis dalam cerita ini pula biasanya si ibu tiri atau kakak tiri digambarkan sebagai tidak memilik rupa yang menarik dan tingkah laku yang kurang baik. Kebiasaannya, cerita sebegini berakhir dengan watak yang hodoh mendapat imbalan yang tidak baik (Baker-Sperry dan Grauerholz, 2003), misalnya dikenakan hukuman yang berat, mati atau dibuang negeri. Secara tidak langsung, khalayak pembaca didoktrinasikan bahawa paras rupa yang menarik melambangkan kebaikan dan kemuliaan, manakala penampilan yang menjelikkan menggambarkan kejahatan atau kedurjanaaan. Mereka yang tidak mempunyai penampilan yang menarik akan mendapat pengakhiran yang tidak baik, yakni tidak menjalani kehidupan yang Bahagia. Hal ini pernah diperhatikan oleh Wolf (2002) yang menggagaskan bahawa "A girl learns that stories happen to 'beautiful' women whether they are interesting or not. And, interesting or not, stories do not happen to women who are not 'beautiful' (hal. 61). Dengan erti kata lain, hanya wanita yang cantik sahaja melalui fasa kehidupan yang menarik, tidak seperti wanita yang tidak dianugerahkan dengan paras rupa yang menarik. Bertitik tolak daripada gagasan daya tarikan fizikal secara umum ini, makalah ini berhasrat untuk membincangkan citra daya tarikan fizikal, terutaman dalam novel 'teen lit' yang khusus untuk remaja dengan mengupas sejauh mana penulis novel remaja popular merakamkan daya tarikan fizikal dalam karya mereka.

2. SASTERA UNTUK REMAJA: SATU KONSEP

Sastera untuk remaja merupakan wadah yang memerihalkan kehidupan remaja pada peringkat umur yang sangat penting dalam hidup mana-mana individu. Konsep remaja mula disentuh oleh Hall (1904) dan hari ini apabila konsep ini dibicarakan, ia merujuk naratif budaya yang sangat ruwet, terutamanya tentang kecenderungan orang muda yang suka mengikuti *trend* semasa, sikap remaja yang suka memberontak, tabiat remaja yang gemar berpelesenan atau 'melepak' di tempat-tempat hiburan dan kekeliruan remaja tentang jati diri mereka (Massoni, 2006). Genre sastera remaja mempunyai elemen berikut: (a) protagonis remaja; (b) suara dan/sikap remaja, dan (c) perjalanan remaja mencari identiti yang membezakan mereka dengan orang dewasa (Stephens, 2007). Chicu dan McBride-Chang (2006) menyebut bahawa kebanyakan buku sastera remaja menyasarkan khalayak pembaca wanita lantaran kebanyakan budaya memperlihatkan remaja perempuan lebih suka membaca berbanding dengan remaja lelaki. Kebanyakan novel untuk remaja ini juga ditulis oleh penulis wanita dengan watak utamanya juga wanita. Satu subgenre untuk sastera untuk remaja, iaitu 'teen lit' pernah dianggap sebagai sastera yang paling rendah kedudukannya dalam hierarki sastera (Johnson, 2006). Meskipun begitu, genre ini merupakan genre awal yang sangat digemari oleh pembaca yang tidak begitu berminat untuk

membaca (Freeman, 2004). Hal ini mewajarkan perlunya banyak kajian dilakukan untuk meneliti dampak genre ini terhadap pembaca, terutama sekali remaja perempuan.

3. DAYA TARIKAN FIZIKAL DAN KECANTIKAN: KAJIAN TERDAHULU

Aspek daya tarikan fizikal (atau dalam bahasa Inggeris, *physical attractiveness*), khususnya tentang dampak kecantikan yang dimiliki atau tidak dimiliki oleh individu mula mendapat perhatian para sarjana pada dekad 1970-an. Kajian Dion, Berscheid dan Walster (1972) yang dilihat sebagai pencetus penyelidikan tentang daya tarikan fizikal atau kecantikan mengusulkan bahawa stereotaip kecantikan benar-benar wujud dan bahawa mereka yang cantik/kacak dilihat lebih 'socially desirable' (hal. 288) serta menjalani kehidupan yang lebih membahagiakan.

Banyak kajian memaparkan bahawa pihak periklanan, misalnya cenderung untuk memilih model yang mempunyai penampilan yang menarik bagi mempromosi barang dagangan mereka (Bloch & Richins, 1992; Kahle & Homer, 1985). Terdapat beberapa ciri fizikal yang dilihat sebagai daya penarik kepada individu (kedua-dua lelaki dan wanita), terutama sekali aspek simetri tubuh badan (Dammann, 2008) dan simetri wajah (Kershaw, 2008). Solomon, Ashmore dan Longo (1992) misalnya mengemukakan enam dimensi daya tarikan fizikal yang menonjol, iaitu *classic beauty/feminine, sensual/exotic, sex-kitten, trendy, cute* dan *girl-next door*. Dari aspek saiz tubuh badan pula, standard kecantikan yang diterima oleh kebanyakan masyarakat di seluruh dunia pula ialah mereka yang kurus dan berbadan langsing dilihat sebagai cantik dan hal ini memaksa wanita muda berusaha untuk mendapatkan bentuk tubuh yang sebegini (Tiggemann & Pickering, 1996).

Faktor sosio-budaya terutama sekali, campur tangan media seperti siaran televisyen, akhbar, majalah dan buku pula sering dikaitkan sebagai mempengaruhi secara signifikan ketidakpuasan individu terhadap bentuk tubuh badan yang dimiliki (Thompson, Heinberg, Altabe & Tattleff-Dunn, 1999). Walau bagaimanapun, banyak penyelidikan menunjukkan bahawa media massa merupakan wahana yang paling kerap menyajikan warta tentang saiz tubuh badan yang ideal untuk wanita (Raphael & Lacey, 1992). Imej yang diketengahkan oleh media dikatakan kerap mendorong remaja perempuan, khususnya untuk mendapatkan tubuh yang kurus atau langsing dan perkara ini kerap kali mencetus amalan bulimia dalam kalangan golongan ini (Botta, 1999). Tiggemann dan Wilson-Barrett (1998) pula memerhatikan bahawa kanak-kanak sering mengaitkan tubuh yang kurus dengan ciri yang positif dan tubuh yang berisi dengan ciri yang negatif. Sudah ada kajian yang meneliti persepsi kanak-kanak tentang gambaran kecantikan (Tiggemann dan Wilson-Barrett, 1998) mahupun tubuh badan dan saiz badan (Herbozo, Tattleff-Dunn, Gokee-Larose, & Thompson, 2004, Gilbert, 1998). Kajian tersebut mendedahkan bahawa kanak-kanak juga menyedari serta dapat membezakan antara individu yang dilihat sebagai cantik dengan individu yang kurang menarik.

Dalam sastera untuk kanak-kanak, kajian Wason-Ellam (1997) yang menyelidik kesan interaksi teks bertulis dan buku bergambar terhadap pembentukan identiti gender dalam kalangan murid sekolah rendah di Amerika mendapati bahawa kecantikan dilihat sebagai kunci utama atau penentu seorang wanita dilihat sebagai ideal atau sempurna. Peserta dalam kajian Wason-Ellam juga melihat kecantikan sebagai kriteria utama yang menentukan kepentingan atau nilai sesuatu watak. Dengan erti kata lain, watak yang cantik ialah watak yang akan berjaya mengahwini lelaki idaman mereka.

Dalam bidang sastera untuk remaja pula, kajian Kokesh dan Sternadori (2015) yang menganalisis stereotaip gender yang lazim serta prototaip wanita dalam 10 buku sastera remaja yang popular serta laku laris mendapati bahawa pelukisan gender yang lama masih mendominasi karya-karya tersebut dan keinginan untuk watak fiksyen kelihatan cantik dan menarik masih menjadi teras utama tema dalam karya sastera remaja popular berbahasa Inggeris. Dapatan yang sama juga

ditemui dalam kajian Younger (2003). Kajian Younger yang menyelidik karya sastera remaja dari tahun 1975 hingga 1999 memaparkan bahawa watak wanita yang berjaya dan berpengaruh biasanya memilik raut wajah yang cantik, mempunyai daya tarikan fizikal serta bertubuh kurus. Gambaran kecantikan yang diidamkan yang tidak realistik ini tegas Younger (2003), bertebaran dan kerap diperkukuh dalam sastera remaja selama 24 tahun yang diteliti oleh penyelidik. Kajian yang meneliti aspek penampilan diri atau kecantikan sangat terbatas dalam bidang sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia, meskipun aspek ini kerap ditonjolkan dalam karya sastera untuk golongan ini. Aspek penampilan diri atau kecantikan yang diperlihatkan dalam sastera sebegini perlu dikaji kerana paparan atau gambaran yang stereotaip yang dilukiskan kepada watak fiksyen boleh mempengaruhi pandangan atau penilaian seseorang kepada individu yang mempunyai watak yang sama seperti watak fiksyen dalam kehidupan sebenar (Younger, 2003). Pembentukan identiti sendiri, terutamanya kesan daripada pembacaan karya sastera remaja dan bahan media seumpamanya, tegas Bean dan Moni (2003) merupakan satu norma atau kebiasaan remaja hari ini. Pengaruh watak protagonis dalam karya sastera remaja yang sangat kuat merupakan faktor yang menyumbang kepada pembentukan identiti khalayak pembaca remaja, terutamanya dari aspek pembentukan gender, tindakan, serta cara remaja membawa diri dalam masyarakat (Kokesh & Sternadori, 2015).

4. KAEDAH

Kajian ini menganalisis tiga buah novel 'teen lit' yang diterbitkan oleh penerbit PTS One Sdn Bhd di bawah imprint 'Syok', iaitu imprint khas bagi 'chick lit' untuk khalayak remaja. Novel-novel tersebut berjudul 'Fatimah Fatty', hasil garapan E-Man Dhani (2012), 'Cik Kumis', hasil tulisan Mama Bella (2014) dan karya Lily Haslina Nasir yang berjudul 'Aku, Dia & Coklat' (2010). Ketiga-tiga novel ini dipilih kerana kesemuanya diterbitkan lebih daripada sekali (Lihat jadual untuk perincian).

Jadual 1 Perincian novel yang dianalisis

Tajuk Novel	Penulis	Bilangan cetakan
Aku, Dia & Coklat	Lily Haslina Nasir	4 kali
Fatimah Fatty	E-Man Dhani	3 kali
Cik Kumis	Mama Bella	3 kali

Selain itu, ketiga-tiga penulis juga menulis lebih daripada satu novel. Lily Haslina Nasir, misalnya merupakan satu nama yang dikenali dalam bidang penulisan popular. Beliau juga menulis untuk genre dewasa, selain menulis untuk remaja. Mama Bella dan E-Man Dhani pula merupakan nama yang tidak asing lagi dalam genre sastera remaja, terutamanya sastera remaja popular. Kaedah analisis teks telah diupayakan untuk menganalisis ketiga-tiga novel bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan citra daya tarikan fizikal. Dalam makalah ini, daya tarikan fizikal turut merangkumi bentuk tubuh badan dan saiz tubuh watak. Penyelidik menggunakan kata kunci yang berkaitan dengan citra daya tarikan fizikal seperti 'cantik,' 'jelita', 'menarik', 'ayu' dan lain-lain lagi serta gambaran bentuk tubuh seperti 'langsing,' 'kecil', 'berisi', 'gemuk' dan 'kurus' untuk mengenal pasti citra ini. Data diperoleh menerusi naratif teks dan dialog antara watak.

5. PERBINCANGAN

Bahagian ini akan merincikan daya tarikan fizikal sebagai tema dalam novel yang dianalisis dan intervensi pengarang tentang maklumat kecantikan dalam novel mereka.

5.1 Daya Tarikan Fizikal Sebagai Tema

Daya tarikan fizikal merupakan tema yang mendominasi ketiga-tiga novel yang dikaji. Dalam karya Lily Haslina Nasir (2010), 'Aku, Dia & Coklat', watak Zaza Farizah binti Anuar, pelajar Kolej Persediaan Pendidikan di Melaka digambarkan sebagai remaja yang berhadapan dengan dilema berkaitan dengan penampilan dirinya. Dia yang mempunyai ketinggian 166 cm dan berat 66 kg diperincikan sebagai bersifat seperti *tomboy* dan gemarkan coklat. Ketagihannya kepada coklat dikatakan menyebabkan badannya semakin hari semakin membesar. Tidak seperti teman-teman rapatnya Puteri Rania, Insyirah dan Khadijah yang mengambil berat soal penjagaan diri dan kecantikan, Zaza lebih senang mengenakan 'kemeja lengan panjang yang longgar' (hal. 36) semasa ke kuliah. Zaza juga tidak kisah dengan jerawat 'yang subur dan merah seperti ceri di atas dahinya' (hal. 36) kerana pada Zaza, jerawat tersebut 'jerawat pemanis' (hal. 36). Dalam novel ini, peha Zaza digambarkan 'sebesar batang pisang' (hal. 128), badannya diumpamakan sebagai 'pohon beringin' (hal. 38), 'macam tapir' (hal. 17), 'macam labu' (hal. 167), lapisan perutnya 'dahulu macam tayar kereta kancil, sekarang sudah sebesar tayar lori bawa pasir satu tan' (hal. 18), wajahnya sering berminyak, dan watak juga 'comel biarpun sedikit gebu' (hal. 123). Zaza berasa bahawa dia tidak gemuk, dia 'cuma berisi. Itu pun sedikit sahaja' (hal. 109). Watak menyangka bahawa kedua-dua orang rakan sekuliahnya, iaitu Asyikin dan Maliz tidak sukakannya dan memilih untuk bermusuhan dengannya kerana rupanya yang 'buruk' (hal. 9). Saban hari dia diperli dan disindir oleh rakan-rakan sekelasnya kerana memiliki saiz tubuh badan yang besar. Bukan itu sahaja, ayahnya yang digambarkan sebagai berat mulut juga mengumpamakan saiz tubuh badan Zaza 'macam guni beras' (hal. 134). Lelaki yang tidak dikenalnya yang ditemuinya di kedai buku juga menyindirnya dengan mengatakan bahawa Zaza mempunyai 'badan besar terlampau lebar. Sama kelebaran dengan lebuh raya Utara-Selatan' (hal. 138). Dalam novel ini, Zaza digambarkan berhadapan dengan tiga peristiwa yang menyebabkan pakaian dan seluarnya terkoyak kerana kegemukannya. Peristiwa yang terakhir, iaitu insiden kerusi yang didudukinya di sebuah kedai makan patah kerana tidak dapat menampung berat badannya amat memalukan watak. Dia kemudiannya berazam untuk menguruskan badan. Namun, azam ini tidak kekal lama. Kedatangan pelajar baharu di kolejnya, iaitu Fariz bin Kamal telah membuatkan jiwa mudanya bergelodak. Zaza diperlihatkan sebagai jatuh cinta dengan budak lelaki yang digambarkan sebagai 'tampan' (hal. 50), 'kacak' (hal. 50), bertubuh 'sasa' (hal. 54) dan mempunyai paras rupa yang menyerupai Sheikh Muzaphar dan lebih tampan daripada pelakon Farid Kamil dan Fahrin Ahmad. Zaza yang sukakan Fariz telah memberikan Fariz coklat sebagai satu usahanya untuk membuatkan Fariz membalas perasaannya. Ketiga-tiga orang teman karibnya, Puteri Rania, Insyirah dan Khadijah mendesak Zaza untuk menurunkan berat badannya sekiranya dia mahu memikat Fariz. Satu hari, Zaza terpilih sebagai pembaca bertuah oleh majalah *InStyle*. Dia dijemput untuk menjamu selera di Theobroma Chocolate Lounge di One Utama dan diberikan layanan istimewa oleh pihak penerbit majalah *InStyle*. Zaza juga disolek dan diberikan 'make over' untuk sesi bergambar oleh pihak *InStyle*. Dia mengajak ketiga-tiga orang rakan baiknya untuk menemaninya ke majlis tersebut. Gambar mereka berempat kemudiannya diterbitkan dalam majalah *InStyle*. Fariz yang terlihat wajah Zaza dalam majalah tersebut, turut terpukau dengan kecantikan Zaza. 'Cantiknya! Matanya tidak berkelip memandangi gambar itu. Wajah itu tampak lembut dan paling cantik adalah bahagian matanya' (hal. 118), demikianlah gambaran yang diberikan tentang perasaan Fariz apabila menatap gambar Zaza dalam majalah tersebut. Gesaan dan nasihat Fariz agar Zaza mengurangkan berat badan menyebabkan Zaza akhirnya akur untuk mengamalkan diet. Fariz bukan sahaja memberikan nasihat dan rangsangan sama ada secara berhadapan mahupun secara dalam talian, malah memberikan Zaza buku '*Your Fat*', artikel dan majalah yang berkaitan dengan penjagaan tubuh badan. Fariz juga memberikannya 'krim badan beraroma coklat' dan 'pelembap bibir berperisa coklat' bagi membantu Zaza menangani masalah ketagihan coklatnya. Zaza bersemangat untuk menguruskan badan dan strategi ini mengundang padah apabila dia pengsan akibat kelaparan. Insiden ini, walau bagaimanapun tidak mematahkan semangat Zaza untuk terus mendapatkan bentuk tubuh badan yang diidamkannya. Novel 'Aku, Dia & Coklat' menunjukkan bahawa watak yang berisi akhirnya sedar bahawa dia perlu tunduk kepada penerimaan masyarakat dan perlu mempunyai

saiz tubuh badan yang boleh diterima oleh masyarakat sekiranya dia mahu memikat hati sang teruna. Sebelum kedatangan Fariz, Zaza tidak begitu mengendahkan soal penjagaan diri, tetapi kehadiran Fariz menyebabkan dia bersemangat untuk mendapatkan saiz badan yang ideal.

Tema daya tarikan fizikal turut diangkat oleh E-Man Dhani (2012) dalam novelnya 'Fatimah Fatty'. Novel ini mempunyai beberapa plot penceritaan yang menggunakan teknik imbas kembali, namun inti utama novel ini berkisar tentang seorang gadis yang bernama Fatimah binti Fahrin. Ibu Fatimah yang merupakan anak kacukan Perancis dan Arab telah meninggalkan Fatimah semasa dia berusia 6 tahun. Fatimah dibesarkan oleh ayahnya, Fahrin bin Imad yang juga seorang cef dan hos program masakan yang terkenal di tanah air. Sama seperti watak Zaza dalam karya Lily Haslina Nasir, watak Fatimah digambarkan sebagai mempunyai masalah saiz tubuh badan. Meskipun Fatimah mewarisi warna mata ibunya, iaitu warna hijau, dia mempunyai tubuh badan yang berisi. Watak Fatimah digambarkan sebagai mempunyai badan yang 'bulat' (hal. 111), 'badannya yang berat' (hal. 108), 'berwajah tembam' (hal. 110), 'comel' (hal. 111), 'obes', berat badannya 'extra dua puluh kilogram' (hal. 117) dan kelihatan seperti 'beruang panda' (hal. 218). Ayahnya juga memanggilnya 'teddy bear' (hal. 117). Dia mempunyai kawan baik, iaitu Fauzi bin Rashdan yang lebih dikenali sebagai Jiji. Mereka bersekolah di sekolah yang sama dan kemudiannya belajar di universiti yang sama. Fatimah mengambil jurusan kewartawan dan fotografi, manakala Jiji mengambil bidang perekaan fesyen. Dalam novel ini, Jiji ditonjolkan sebagai mempunyai perwatakan dan perawakan yang lembut. Sudah puas 'Fatimah menasihatinya supaya dia berubah menjadi 'jantan sejati tetapi ada sahaja alasannya' (hal. 12). Jiji kerap menasihati Fatimah untuk menguruskan badan tetapi Fatimah pula menyalahkan ayahnya kerana dia gemuk, 'Bukannya salah saya yang jadi gemuk sebegini. Ayah saya yang suka masak sedap-sedap, rugi sekiranya makanan yang sedap itu terbuang sahaja. Nanti bila saya sudah bekerja, sudah ada duit, saya upah jurulatih senaman bagi membimbing saya menurunkan berat badan apabila bersenam di gim' (hal. 113). Setiap kali Fatimah berasa tertekan, dia akan makan untuk melegakan tekanannya. Meskipun Fatimah berkali-kali menyatakan hasratnya untuk menguruskan badan, namun dia tidak pernah berdisiplin untuk memastikan hasrat tersebut dapat direalisasikan.

Watak antagonis dalam novel ini, iaitu Julia digambarkan sebagai 'perempuan yang berjalan ala-ala diva' (hal. 127), mengenakan solekan yang tebal serta 'terlebih make-up' (hal. 127), mempunyai 'rambut karat' (hal. 122), mengenakan 'kanta lekap yang pelbagai warna setiap hari' (hal. 122). Dia menggelarkan Fatimah sebagai 'kenderaan berat' (hal. 119; hal. 162) dan 'almari bergerak' (hal. 119; hal. 123). Julia tidak sukakan Fatimah kerana Fatimah lebih bijak daripadanya walaupun Fatimah tidak secantiknya. Julia sering menganiaya atau melakukan sabotaj untuk memastikan Fatimah dimalukan di hadapan khalayak.

Dalam novel ini, semasa di universiti, Fatimah menyertai pertunjukan fesyen sebagai peragawati yang memperagakan fesyen yang dicipta oleh Jiji untuk golongan *plus size*. Jiji bertindak sebagai pereka fesyen dalam pertunjuk fesyen tersebut. Paras rupa Fatimah digambarkan sebagai 'kelihatan cantik selepas disolek' (hal. 134). 'Penampilan Fatimah yang cantik di atas pentas' (hal. 135) turut dicemburui oleh Julia. Kemunculan Fatimah di pentas peragaan tersebut juga turut menarik perhatian seorang pensyarahnya, iaitu Profesor Anna (yang kemudiannya didedahkan sebagai Fabienna, iaitu adik kepada ibu Fatimah, Quatalina Gabino).

Fatimah memasang tekad untuk membuktikan bahawa 'dia tidak akan membiarkan hanya kecantikan menguasai manusia di sekelilingnya. Dia mahu buktikan kepada orang ramai yang wanita gempal sepertinya juga dapat menggegarkan dunia' (hal. 122). Ketidakpedulian Fatimah tentang saiz badannya tergambar semasa majlis pesta konvokesyennya. Dia merungut bahawa jubah graduasinya ketat (hal. 145) sedangkan ayahnya, Fahrin yang pernah mempunyai 'perut boro' (hal. 115) sanggup mengamalkan diet supaya dia tampak kakak dan kurus semasa majlis konvokesyen anaknya (hal. 144).

Meskipun Fatimah lulus dengan keputusan yang baik, dia masih gagal mendapatkan kerja. 'Setakat ini sebenarnya, sudah tiga puluh lima kali temu duga saya hadiri, tetapi mereka memberikan alasan yang mereka memerlukan pekerja yang berketerampilan menarik dan berbadan kecil molek supaya dapat berjalan dengan pantas dan pelbagai lagi alasan yang merapu' (hal. 153). Profesor Anna kemudiannya berjaya mendapatkan Fatimah pekerjaan sebagai juru gambar di syarikat penerbitan M Publisher Sdn Bhd dengan bantuan sahabatnya, Puan Melati Jasmin, editor di jabatan M Dekorasi di syarikat tersebut. Musuh Fatimah, iaitu Julia juga bekerja di syarikat yang sama.

Semasa bertugas, Fatimah pengsan kerana tekanan darahnya agak tinggi dan dia didapati menghidap diabetes tahap 2. Fatimah dinasihatkan oleh doktor untuk 'menjaga pemakanan dan memilik berat badan yang sesuai dengan ketinggian' (hal .167). Hal ini menyebabkan Fatimah bimbang dan dia mendapatkan nasihat daripada sahabatnya, Jiji. Jiji menasihatkan Fatimah untuk bersenam di gim Green Fitness. Julia yang terlihat kelibat Fatimah di gim tersebut telah bersekongkol dengan sahabatnya, Melinda untuk menakut-nakutkan Fatimah. Tindakan mereka berjaya dan Fatimah membatalkan niatnya untuk mendaftar dan seterusnya bersenam di gim tersebut. Jiji kemudiannya memperkenalkan Fatimah dengan pelanggan tetap di butiknya, iaitu Normi, seorang model yang terkenal. Jiji berharap yang Fatimah boleh belajar daripada Normi rahsia untuk 'kekal langsing' (hal. 185). Normi memberikan beberapa panduan kepada Fatimah, termasuklah pemakanan yang betul dan cara bersenam yang sesuai. Sejak daripada pertemuan tersebut, Fatimah mula mengambil berat untuk menurunkan berat badannya. Namun, kematian Normi akibat bulimia mengendurkan semangat Fatimah untuk kurus. Pertemuan semula, Fatimah dengan ibunya, Quatalina yang disangkanya sudah meninggal dunia, walau bagaimanapun mengubah ketidakpedulian Fatimah. Dia yang menyangka bahawa ibunya malu mempunyai anak yang gemuk dan 'tidak secantiknya' (hal. 222) memutuskan untuk menguruskan badan. Keputusan ini dibuat, terutama sekali apabila dia mendengar kata-kata nista yang dilemparkan oleh tetamu di satu pertunjukan fesyen yang dihadiri oleh Fatimah di Perancis atas jemputan ibunya. Sahabat ibunya, Encik Carlos, pereka fesyen yang terkenal di Paris telah memperkenalkan Fatimah dengan bapa saudaranya, Doktor Jean Paul Pierre, iaitu pakar pemakanan di Paris. Ibu Fatimah, Quatalina turut digambarkan sebagai bimbang akan saiz badan Fatimah, 'Saya juga kasihkan dia. Dia masih muda lagi dan perlu mendapatkan berat badan yang sesuai dengan ketinggiannya bagi kekal sihat dan cergas' (hal. 241). Setahun selepas mendapatkan nasihat dan bimbingan Doktor Pierre, Fatimah berjaya mendapatkan berat badan yang ideal dengan ketinggiannya, iaitu 66 kg daripada berat asal sebanyak 102 kg. Dia juga bergiat aktif dengan terlibat dalam kegiatan penerjunan payung terjun. Ayahnya, Fahrin pula mula mempromosi hidangan sihat dalam rancangan masakannya, manakala Julia pula dihuraikan sebagai menghadapi masalah mental kerana tertekan dengan hakikat bahawa Fatimah merupakan anak kandung kepada pewaris jenama fesyen pakaian yang terkenal di dunia. Julia juga digambarkan sebagai berhadapan dengan masalah penampilan apabila 'kulit mukanya turut mengalami kesan sampingan yang teruk hasil daripada suntikan botox tiruan'. Fauzi (Jiji) pula bertugas sebagai pereka pakaian lelaki untuk Butik G&D dan bercadang untuk mengahwini Fatimah.

Dalam novel ini, daya tarikan fizikal merupakan teras utama yang menggerakkan penceritaan. Profesor Anna, iaitu ibu saudara Fatimah digambarkan 'jelita bak patung' (hal. 156) dan mempunyai kulit 'yang putih gebu dengan tubuhnya yang langsing, sekali pandang memang seperti patung *manikin* yang biasa digunakan di gedung membeli-belah dekat bahagian peragaan pakaian' (hal. 140). Johan digambarkan kacak 'iras-iras Olando Bloom di dalam cerita *Pirates of the Carribean*' (hal. 120) dan mempunyai suara yang garau 'suara hero drama Jepun, Hasegawa Takeshi' (hal. 119). Wajah doktor yang merawat Fatimah semasa dia pengsan juga dirincikan 'saling tidak tumpah seperti penyanyi Noh daripada kumpulan Hujan' (hal. 166). Julia, iaitu antagonis dalam novel ini juga diperlihatkan agak taksub dengan kecantikan hingggakan dia sanggup membuat 'suntikan botox' (hal 281) untuk mendapatkan bentuk bibir, dagu dan pipi yang 'seksi' (hal. 281). Fatimah juga digambarkan sebagai gagal mendapat kerja meskipun dia

bijak dan sudah lebih tiga pula kali menghadiri sesi temu duga lantaran saiz badannya yang besar dan kurang daya tarikan fizikal yang dimilikinya.

Kedua-dua novel yang dianalisis di atas menunjukkan bahawa kecantikan, terutamanya saiz tubuh badan yang sesuai sangat penting dalam kehidupan watak. Kedua-dua watak yang pada awalnya digambarkan sebagai 'resistant' atau menentang idea menguruskan badan demi memenuhi jangkaan orang di sekeliling akhirnya tumpas dalam mengekalkan pendirian masing-masing. Zaza dalam novel 'Aku, Dia & Chocolate' memutuskan untuk menguruskan badan atas nasihat seorang lelaki, meskipun teman-teman rapatnya pernah dan kerap kali menyuruhnya berbuat demikian. Watak utama digambarkan berusaha keras untuk mengurangkan berat badannya demi memikat hati seorang lelaki dan bukan atas sebab kesihatan dirinya. Demikian juga dengan watak Fatimah yang enggan serius untuk menguruskan badan serta kerap menyalahkan ayahnya sebagai penyebab kegemukannya. Fatimah akhirnya bersetuju untuk kurus kerana bimbang akan keadaan kesihatannya dan juga untuk meraih penerimaan (acceptance) daripada ibunya yang ditemuinya semula.

Tidak seperti novel 'Aku, Dia & Coklat' dan 'Fatimah Fatty' yang menekankan aspek saiz tubuh badan, Mama Bella (2014) dalam novelnya 'Cik Kumis' pula mengetengahkan subtema yang agak berbeza, meskipun tema terasnya masih berkisar tentang daya tarikan fizikal. Novel 'Cik Kumis' mengupas isu kecantikan paras rupa yang dialami oleh watak utama, iaitu Suri Rania binti Gulam Sarep. Suri Rania yang berdarah kacukan Arab dan Pakistan digambarkan oleh pengarang sebagai individu yang bertubuh 'kecil molek' (hal. 259) dan mempunyai wajah yang menarik. Namun begitu, disebalik kecantikannya, terselit satu kekurangan, iaitu Suri Rania berbulu lebat. Dia mempunyai kening yang lebat yang hampir bercantum dan lebih malang sekali, dia mempunyai misai. Suri Rania lebih senang memanggil misainya sebagai 'kumis'. Kumisnya yang kerap 'terjongket, tercacak, dan berselerak' (hal. 11) bukan sahaja meresahkan Suri Rania, malah menjadi modal sindiran oleh orang di sekelilingnya. Johara, seorang kenalannya, misalnya digambarkan berkata '...tolong lakukan sesuatu. Nanti akibatnya awak termasuk dalam golongan andartu' (hal. 17), Ibu Rania juga ditegur oleh jiran mereka, Mak Cik Errah 'Syalina, anak awak tidak rasa segankah? Maaflah, sekiranya saya berada di tempat awak, saya akan suruh anak saya sorok mukanya di dalam almari. Saya tidak rela biarkan dia belajar di kolej dahulu' (hal. 17) Mak Cik Fazeeratul pula menyebut 'Tidak kiralah muka anak awak cantik ala-ala kacukan Arab dan Pakistan ataupun anak Pan-Asia sekalipun. Tetapi sekiranya bermisai, memang orang lelaki akan fikir 11 kali sebelum dijadikan pasangan hidup' (hal. 18). Suri Rania juga ditertawakan semasa dia menghadiri sesi temu duga untuk jawatan setiausaha peribadi di syarikat Aksara Intan Berhad (hal. 63) sehinggakan '... ada juga yang ketawa terlebih kuat bagaikan tikus mondok terlepas daripada jerat. Mak cik tukang sapu pula menepuk dahi tiga kali sambil menekup mulutnya' (hal. 64). Malah, bakal majikannya Datin Donna Danella juga digambarkan sebagai 'mati kutu mahu meneruskan kata-katanya. Matanya bulat bak telur penyu. Mulutnya ternganga lebih luas...' (hal. 68) apabila terpandang wajah Suri Rania untuk pertama kalinya dalam sesi temu duga tersebut.

Dalam novel ini, Suri Rania digambarkan melakukan pelbagai cara dan mengamalkan pelbagai petua untuk menyingkirkan kumisnya. Dia menyapu 'air limau nipis yang digaul dengan gula pasir' (hal. 11), mencuba 'berkotak-kotak krim penghapus misai yang dibeli di farmasi' (hal. 11), 'menyapu krim, bercukur' (hal. 10) dan pelbagai lagi kaedah. Kumis yang dimilikinya juga menyebabkan dia gagal dalam permohonan kerjanya sebanyak 14 kali, meskipun dia mempunyai kelayakan pendidikan yang sangat baik. Dalam kes ini, Suri Rania juga menghadapi masalah yang sama seperti watak Fatimah dalam novel 'Fatimah Fatty', karya E-Man Dhani, iaitu bermasalah untuk mendapat pekerjaan kerana keterbatasan daya tarikan fizikal yang dimiliki oleh kedua-dua watak. Suri Rania akhirnya mendapat kerja di syarikat Aksara Intan Berhad sebagai setiausaha kepada Dato' Ramli NS. Kumis yang dimilikinya kerap menyebabkan dia dibuli, bukan sahaja oleh isteri majikannya, Datin Donna, malah oleh rakan-rakan sekerjanya. Rakan-rakan sekerjanya kurang senang dengan kesungguhan dan kerajinan Suri Rania dalam menjalankan tugasnya.

Rakan sekerjanya, iaitu Saleha Saedon, Maera Menon dan Kak Fidot (Rafidah binti Rapek) telah melakukan pelbagai bentuk penganiayaan untuk memastikan Suri Rania diberhentikan kerja. Brek kereta yang dipandu oleh Suri Rania yang ditugaskan untuk mengambil anak-anak Dato' Ramli NS dari sekolah telah dirosakkan sehingga menyebabkan mereka kemalangan. Suri Rania juga dituduh menjual maklumat syarikat kepada pesaing mereka. Dalam novel ini, Suri Rania bersahabat baik dengan Syafa, seorang editor majalah Islamik yang dikenalnya di alam maya. Sama seperti Suri Rania, Syafa juga menghadapi masalah dengan identiti dirinya. Meskipun dia mempunyai mata yang 'galak dan bundar' (hal. 23) serta bulu mata yang 'tebal melentik sehingga mencapai 180 darjah' (hal. 23), Syafa ditakdirkan mempunyai surat yang unik, yang 'kelakar' seperti 'suara orang tertelan buah strawberi bersaiz XXL' (hal. 23) atau 'seperti ayam tertelan kapur barus' (hal. 431). Persamaan atau kelainan yang dimiliki oleh kedua-dua watak ini menyebabkan kedua-duanya berkawan rapat. Suri Rania digambarkan kerap mengadu nasibnya kepada Allah SWT atas nasihat Syafa. Pertemuan Suri Rania dengan Seri Ayu Putri yang merupakan penceramah Bengkel Setiausaha Cemerlang Gemilang yang dihidangnya telah meninggikan keyakinan Suri Rania. Seri Ayu Putri yang digambarkan sebagai 'cantik manis dan ayu jelita' (hal. 262), rupa-rupanya memakai kaki palsu. 'Kecacatan tidak pernah menjadi alasan dan halangan' (hal. 265) merupakan mentera yang dipegang oleh Seri Ayu Putri. Dia yang dibesarkan di rumah anak-anak yatim piatu pernah bertugas sebagai setiausaha kepada beberapa ahli politik dan kerabat diraja yang terkenal. Seri Ayu Putri juga merupakan pemilik syarikat Seri Ayu Management. Semasa Suri Rania terlibat dalam kebakaran di rumah Dato' Ramli NS, Seri Ayu Putri menawarkan diri untuk membiaya kos pembedahan Suri Rania kerana dia berhutang budi dengan Suri Rania yang pernah menyelamatkannya dalam satu kemalangan sebelum ini. Suri Rania sanggup mempertaruhkan nyawanya apabila dia menyelamatkan anak-anak Dato' Ramli NS, Datin Donna Danella dan Kak Fidot yang diancam oleh Mas, bekas setiausaha Dato' Ramli NS yang menghidap sakit mental selepas kematian anak-anaknya. Wajah Suri Rania melecur teruk dalam insiden tersebut. Suri Rania kemudiannya menjalani pembedahan plastik di Zurich Hospital Beauty and Health di bawah rawatan Doktor Tom Kruisy yang juga kenalan rapat tunang Seri Ayu Putri, Raja Anuar Jen Shah. Selepas pembedahan plastik tersebut, Suri Rania dirincikan sebagai berwajah cantik 'seperti muka orang putih' (hal 415) dan 'ada gaya seperti artis Korea' (hal. 415). Wajahnya bersih tanpa parut dan dia tidak lagi mempunyai kumis. Syafa, kawan baik Suri Rania pula, yang selama ini disangkanya seorang gadis. rupa-rupanya ialah anak saudara lelaki Datin Donna Danella, yang bernama Syafaruddin Dato' Safwan. Syafa kemudiannya berpindah ke Syarikat Aksara Intan Sdn Bhd dan dilantik sebagai pengurus besar baru syarikat tersebut. Suara Syafa yang unik berjaya diubahi oleh Tok Batin Lak Bukit, iaitu Tok Batin di perkampungan orang asli, iaitu kampung B. Galak, pemandu Dato' Ramli NS. Selepas meminum air rebusan akar kayu, suara Syafa bertukar menjadi seperti suara 'Jamal Abdillah' (hal. 474). Kisah Suri Rania berakhir dengan dengan kejayaan novel Suria Rania yang berjudul 'Kumisku, Suaranya dan Hati Suci Karma' menjuarai sayembara novel anjuran Karyawan Karang Seni. Suri Rania juga diiktiraf sebagai sebagai setiausaha terbaik tahunan dalam satu acara anjuran majalah Superb Executive. Suri Rania kemudiannya mendirikan rumah tangga dengan Syafa.

Karya Mama Bella ini bukan sahaja mengetengahkan soal daya tarikan fizikal, malah aspek kegemukan juga menjadi rencah utama novel 'Cik Kumis'. Dalam novel ini, Kak Fidot digambarkan sanggup menjual maklumat syarikat Aksara Intan kepada pesaing dengan upah bayaran dalam bentuk baucar untuk pakej pelangsingan badan yang ditawarkan oleh Syarikat Selim Melim sekitar RM10,000 ke RM15,000 untuk setiap pakej. Kak Fidot cemburu dan beranggapan bahawa Suri Rania diberikan jawatan setiausaha peribadi Dato' Ramli NS kerana dia memiliki tubuh yang 'langsing dan kecil molek' (hal. 383), tidak seperti Kak Fidot yang mempunyai tubuh badan yang besar dan 'bagaikan *teddy bear* di pejabat' (hal. 377). Kak Fidot berasa bahawa dia tidak dihargai meskipun sudah bertugas 25 tahun di Syarikat Aksara Intan Sdn. Bhd. Pada akhir novel tersebut, fizikal Kak Fidot berubah daripada gemuk kepada 'hampir kurus dan ramping' (hal. 427).

Jelas sekali bahawa dalam novel 'Cik Kumis' ini, watak Kak Fidot yang berasa terancam kerana kelebihan yang dimiliki oleh protagonis, iaitu Suri Rania seiring dengan penegasan Baker-Sperry dan Grauerholz (2003) bahawa kecantikan ideal bertindak sebagai kawalan sosial normatif yang mendesak Kak Fidot untuk memastikan yang dia juga memiliki bentuk tubuh badan yang ideal seperti Suri Rania. Suri Rania yang pada awalnya tampil berkeyakinan dan berjaya melakukan tugasnya dengan baik, walaupun dia mempunyai kumis, terpaksa menjalani pembedahan yang menyingkirkan kelainan yang dimilikinya dan sekaligus, menjadikan watak ini sebagai akur kepada nilai kecantikan ideal yang dipegang oleh masyarakat sekitarnya.

Tindakan pengarang mengubah paras rupa Suri Rania selaras dengan pemerhatian Wolf (2012) tentang mitos kecantikan (*beauty myth*). Mitos kecantikan (*beauty myth*) sengaja digembargemburkan sebagai satu langkah yang diambil oleh masyarakat untuk memastikan bahawa wanita masih duduk selangkah ke belakang daripada lelaki. Meskipun wanita bebas bekerja, namun mitos kecantikan ini ditentukan oleh masyarakat hingga menyebabkan kebebasan wanita terbatas dan wanita perlu bimbang tentang penampilan diri mereka apabila mereka keluar bekerja. Sekiranya wanita tidak menjaga penampilan diri mereka, mereka mungkin tidak berpeluang untuk naik pangkat atau ditawarkan kerja. Kegusaran ini menyekat kejayaan wanita. Menurut Wolf, jika dahulu kaum wanita diikat dengan ruang di rumah sahaja, kini mereka dikurung pula dengan idea kecantikan dan mitos kecantikan ini menyebabkan wanita sekali lagi ditindas oleh lelaki (Wolf, 2002).

5.2 Narasi Tentang Penjagaan Tubuh Badan dan Penampilan Diri

Dalam novel yang diteliti, E-Man Dhani dan Lily Haslina Nasir turut memuatkan maklumat tentang penjagaan tubuh badan. Dalam novel 'Fatimah Fatty', misalnya watak Fatimah yang menurunkan berat badannya telah dinasihatkan oleh pakar dietetik, iaitu Doktor Pierre untuk mengambil langkah-langkah yang betul untuk mendapatkan bentuk tubuh yang diidamkan. Nasihat Doktor Pierre disuarakan dalam bentuk risalah penerangan. Dalam risalah ini, Fatimah diminta untuk mematuhi 10 garis panduan untuk memastikan yang dia berjaya menurunkan berat badannya (hal. 247-250). Fatimah juga diminta untuk mematuhi 22 panduan yang berkaitan dengan diet yang sihat (hal. 256-258). Dalam novel ini, penulis menyisipkan maklumat bahawa kesemua maklumat tersebut merupakan maklumat yang diperoleh oleh penulis daripada beberapa buku dan majalah (hal. 264). Pentingnya penampilan diri juga turut diketengahkan oleh Lily Haslina Nasir dalam 'Aku, Dia & Coklat' semasa beliau memuatkan maklumat tentang "Tips beri isyarat pada jejak yang anda suka" (hal. 112). Dalam novel ini watak utama, iaitu Zaza, digambarkan mempertimbangkan satu garis panduan yang diberikan, iaitu "Sesekali, cuba puji penampilannya. Jangan fikir orang perempuan sahaja suka dipuji! Lelaki pun sama seronok kalau ada perempuan memujinya!" (hal. 112). Zaza juga dinasihatkan untuk "Senyum! Pastikan senyuman manis dan ikhlas. Berhati-hati jangan terlebih senyum sampai menampakkan cili yang terselit di celah gigi" (hal. 115). Zaza juga dipaparkan sebagai membaca beberapa bahan bermaklumat tentang penampilan diri. Dalam bab 18 dalam novel ini, misalnya, Zaza membaca artikel daripada majalah *In-Style* yang berjudul "Salahkah menjadi gemuk dan subur?" (hal. 203-204). Dalam bab 19, watak didedahkan dengan panduan untuk mendapatkan tubuh badan yang sihat dalam buku yang dibacanya, iaitu buku *Your Fat*. Pengarang, iaitu Lily Haslina Nasir telah memuatkan tiga perenggan yang mengupas mitos lemak (hal. 208-209). Campur tangan pengarang, iaitu E-Man Dhani dan Lily Haslina Nasir dengan memerihalkan maklumat berfakta tentang penjagaan diri, khususnya penjagaan berat badan menunjukkan bahawa kedua-dua pengarang cuba menegaskan akan kepentingan penjagaan penampilan diri dan tubuh badan. Fakta yang dimasukkan oleh kedua-dua pengarang dalam karya mereka bukan sahaja 'mendidik' watak dalam novel, malah pembaca remaja yang membaca kedua-dua novel ini. Dengan erti kata lain, mesej tentang ilmu kecantikan secara formal ini disampaikan oleh kedua-dua penulis kepada pembaca berlaku secara tidak langsung. Pembaca yang membaca pesanan kedua-dua orang

penulis akan mendapat ilmu baru yang mungkin membantu mereka menangani sebarang masalah penampilan diri yang mungkin mereka miliki.

6. KESIMPULAN

Kajian mendapati bahawa kesemua novel yang diteliti sarat dengan citra daya tarikan fizikal. Ketiga-tiga penulis menjadikan daya tarikan fizikal, sama ada dari segi paras rupa mahupun saiz tubuh badan sebagai tema utama dalam novel mereka. Watak diwarnakan dengan atribut kecantikan fizikal yang jelas serta mempunyai kesedaran tentang kepentingan penampilan diri mereka di mata masyarakat. Secara tindak langsung, kecenderungan penulis untuk memerihalkan daya tarikan fizikal sebenarnya mendidik khalayak pembaca, khususnya pembaca muda tentang penerimaan atau jangkakan kecantikan dalam masyarakat setempat. Narasi atau maklumat berfakta yang ditengahkan juga dalam novel menyerlahkan lagi aspek penampilan diri serta penjagaan diri kepada pembaca.

RUJUKAN

- Baker-Sperry, L. & Grauerholz, L. (2003) The pervasiveness and persistence of the feminine beauty ideal in children's fairy tales. *Gender & Society*, 15(5), 711-726.
- Bloch, P. H. & Richins, M. L. (1992). "You look 'mahvelous'": The pursuit of beauty and the marketing concept. *Psychology & Marketing*, 9(January), 3-15.
- Botta, R. (1999). Television images and adolescent girls' body image disturbance. *Journal of Communication*, 49, 22-41.
- Bullen, E., Toffoletti, K. & Parsons, L (2011). Doing what your big sister does: Sex, postfeminism and the YA chick lit series. *Gender and Education*, 23(4), 497-511,
- Chicu, M. M. & McBride-Chang, C. (2006). Gender, context, and reading: A comparison of students in 43 countries. *Scientific Studies of Reading*, 10, 331-362.
- Dammann, G. (August 20, 2008). Rules of attraction. *The Guardian*.
- Dion, K. K., Berscheid, E., & Walster, E. (1972). What is beautiful is good. *Journal of Personality and Social Psychology*, 24, 285-290.
- E-Man Dhani. (2012). *Fatimah Fatty*. Batu Caves: PTS One Sdn. Bhd.
- Freeman, M. (2004). Sugar and spice. *Reading Today*, 22, 22.
- Gilbert, K. (1998). The body, young children and popular culture. In N. Yelland (Ed.), *Gender in early childhood* (pp. 55-71). New York: Routledge.
- Hall, G. S. (1904). *Adolescence: Its psychology and its relations to physiology, anthropology, sociology, sex, crime, religion and education*. New York, NY: D. Appleton.
- Herbozo, S., Tantleff-Dunn, S, Gokee-Larose, J., & Thompson, J. K. (2004). Beauty and thinness messages in children's media: A content analysis. *Eating Disorders: The Journal of Treatment & Prevention*, 12(1). 21-34.
- Johnson, J. W. (2006). Chick lit jr.: More than glitz and glamour for teens and tweens. Dalam S. Ferriss & M. Young (Eds.), *Chick lit: The new woman's fiction* (pp. 141-157). New York, NY: Routledge.
- Kahle, L R. & Homer, P. M. (1985). Physical attractiveness of the celebrity endorser: A social adaptation perspective. *Journal of Consumer Research*, 11(March), 954-961.
- Kershaw, S. (October 8, 2008). The sum of your facial parts. *The New York Times*. <http://www.nytimes.com/2008/10/09/fashion/09skin.html>.
- Lily Haslina Nasir. (2010). *Aku, dia & coklat*. Batu Caves: PTS Litera Utama
- Mama Bela. (2014). *Cik kumis*. Batu Caves: PTS One Sdn. Bhd.
- Massoni, K. (2006). Teen goes to market: Seventeen magazine and the early construction of the teen girl (as) consumer. *The Journal of American Culture*, 29, 31-42.
- Meloni, C. (2006). Teen Chick Lit. *Library Media Connection*, 25(2), 16.

- Raphael, F. J., & Lacey, J. H. (1992). Sociocultural aspects of eating disorders. *Annals of Medicine*, 24, 293–296.
- Rubinstein-Avila, E. (2007). Examining representations of young adult female protagonists through critical race feminism. *Changing English*, 14(3), 363-374.
- Solomon, M. R., Ashmore, R. D., & Longo, L. C. (1992). The beauty match-up hypothesis: Congruence between types of beauty and product images in advertising. *Journal of Advertising*, 21(4), 23-34.
- Stephens, J. (2007). Young adult: A book by any other name ...Defining the genre. *The ALAN Review*, 35, 34–42.
- Thompson, J. K., Heinberg, L. J., Altabe, M., & Tantleff-Dunn, S. (1999). *Eating beauty: Theory, assessment, and treatment of body image disturbance*. Washington, DC: American Psychological Association.
- Tiggemann, M., & Pickering, A. S. (1996). Role of television in adolescent women's body dissatisfaction and drive for thinness. *International Journal of Eating Disorders*, 20, 199–203.
- Tiggemann, M., & Wilson-Barrett, E. (1998). Children's figure ratings: Relationship to self-esteem and negative stereotyping. *International Journal of Eating Disorders*, 23, 83–88.
- Wolf, N. (2002). *The beauty myth*. New York: Perennial.